

Dasar Luar Kerajaan Malaysia Berpaksikan Kepada Prinsip Keadilan - Najib Bernama
August 28, 2014

PUTRAJAYA, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata dalam apa jua dari segi dasar luar negara, kerajaan Malaysia tetap berpaksikan kepada prinsip keadilan.

Atas asas itu Malaysia terus menjadi penyokong kepada para pejuang rakyat Palestin dan mengutuk serangan kejam Israel ke atas Gaza yang telah mengorbankan beribu-ribu nyawa orang awam yang tidak berdosa termasuk kanak-kanak.

"Sebab itu saya pergi ke Gaza, selain untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan saya nak tunjuk politik penyatuan dan kesatuan antara PLO dan Hamas, bayangkan jika rakyat Palestin berpecah.

"Bayangkan (pula) jika PLO dan Hamas bersama, Mesir tidak bergolak, Syria tidak berperang, tentu sekali nasib umat Islam lebih terbela," katanya semasa berucap pada Majlis Perdana Ulama-Umara dan Anugerah Masjid Malaysia 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini Khamis..

Najib berkata sesuatu pergolakan yang berlaku merupakan pengajaran yang perlu dijadikan iktibar.

"Jangan sesekali lupa, leka serta alpa dan Allah mengingatkan bahawa penyatuan umat Islam asas kepada kejayaan dan masa depan umat Islam," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064210>